

23 MAY 1998

Ling-Kargo

BAYARAN PERKHIDMATAN KLIA PERLU KOMPETITIF

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Kadar bayaran perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang termasuk kemudahan untuk kargo, perlu terus kompetitif dan sepatutnya tidak terlalu tinggi berbanding lapangan terbang lain di rantau ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata jika bayaran bagi kemudahan-kemudahannya terlalu tinggi, ia akan menggagalkan matlamat pembinaan lapangan terbang berharga RM10 bilion itu.

"Pengusaha KLIA perlu memastikan bahawa lapangan terbang itu terus kompetitif terutama kerana ia terletak di antara pangkalan udara lain seperti Singapura dan Bangkok. Ia tidak boleh meletakkan harga yang terlalu tinggi berbanding pesaingnya," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MCA Selangor di sini.

Dr Ling yang juga Presiden MCA diminta mengulas dakwaan oleh Persatuan Penghantar Kargo Udara Malaysia (AFAM) bahawa cadangan kadar sewa bagi kemudahan kargo di lapangan terbang itu adalah tinggi.

KLIA akan mula beroperasi pada akhir bulan depan.

Rabu lepas, Pengerusi AFAM Walter Culas berkata kadar sewa RM5 bagi satu kaki persegi yang dicadangkan oleh Penerbangan Malaysia (MAS) dan KL Airport Services Sdn Bhd (KLAS) bagi caj penghantaran kargo udara di lapangan terbang baru itu terlalu tinggi dan antara yang tertinggi di dunia.

Kadar bayaran penghantaran kargo udara di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sekarang ialah RM1.25 bagi satu kaki persegi dan AFAM mahu kadar itu dikekalkan atau kadar caj RM2 di lapangan terbang baru itu.

AFAM akan menghantar satu memorandum kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed jika permintaan mereka tidak dihiraukan. Persatuan itu juga akan memohon kepada KLIA Bhd untuk sekeping tanah di Sepang bagi membina gudang.

Ling berkata pihak berkuasa lapangan terbang itu sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota AFAM dan perbincangan antara kedua-dua pihak berkenaan sedang berjalan.

"Mereka sedang membincangkan masalah itu, ini merupakan proses yang berterusan, biarkan mereka berbincang," katanya.

-- BERNAMA

ARA RHM MAI